

EDISI 1 [JAN-MAC 2023]

PENEROKA

www.felda.gov.my

MS 3
FELDA UMUM
PERUNTUKAN
RM9.7JUTA

MS 5
Townhall EUDR

TERUS BERJAYA
BERSAMA



FeldaLKTP



Myfelda



FeldaLKTP



Felda Official



FELDALKTP

ISI KANDUNGAN

DARI MEJA KETUA EDITOR URUS TADBIR 03

- FELDA Ke Arah Moving Forward Perladangan
- Town Hall: Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR), Menara FELDA (Mac)

KISAH INSPIRASI 06

- Kisah Inspirasi – Pengerusi FELDA
- Timeline Kejayaan

ULASAN BUKU 08

- Atomic Habits

PROGRAM KOMUNITI 09

- Program Kembara Motivasi SK LKTP Tenang Ke Menara FELDA (Januari)
- Majlis Konvokesyen Kolej Yayasan FELDA Kali Ke – 24 (Februari)
- AKRF Gua Musang (Februari)
- Lawatan Sambil Belajar SK LKTP Adela ke Menara FELDA (Februari)
- JMR FELDA Semenchu (Februari)
- AKRF Chegar Perah (Mac)
- Majlis Pelancaran ZuRis Sonicutt Harvester (Mac)

SIDANG REDAKSI



KETUA EDITOR:
Puan Mastura Binti Abdul Manap

PENOLONG KETUA EDITOR
Puan Norhasimah Binti Mohd Nor

EDITOR 1:
Encik Naziffuddin Bin Tajjulddin

EDITOR:
Puan Raihan Binti Zaidan

REKABENTUK & CETAKAN :
Gigawise

 Giga Wise Network Sdn Bhd
 www.gigaprint2u.com

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum Wbt & Salam Sejahtera,

Apa khabar ayahanda, bonda dan generasi-generasi FELDA yang disayangi sekalian? Kami berharap semua berada dalam keadaan yang baik dan diberkati oleh Allah SWT. Kami ingin mengajak semua pembaca untuk memanjatkan rasa syukur diatas segala nikmat yang telah dikurniakan olehNya. Ini termasuklah dengan terhasilnya edisi pertama Majalah Peneroka 2023 ini. Kami berasa amat berbesar hati kerana dapat mengeluarkan majalah ini lagi pada tahun 2023 kepada semua pembaca terutamanya Warga FELDA yang disayangi.

Kami sedia maklum, terdapat ramai warga FELDA yang masih suka membaca. Tidak kurang pula mereka yang lebih suka melihat gambar-gambar di dalam sesebuah bahan bacaan. Seiring dengan teknologi masa kini, majalah peneroka untuk tahun ini, akan lebih menarik dan lebih banyak gambar untuk dijadikan simpanan dan kenangan kepada yang membacanya. Majalah Peneroka ini juga boleh didapati secara atas talian dimana ianya boleh di muatturun terus di laman sesawang FELDA <http://www.felda.gov.my>.

Kami juga menjadikan platform majalah ini sebagai satu kaedah untuk menyebarkan dan menyampaikan maklumat yang mudah difahami. Jangan lupa untuk mendapatkan info-info menarik dan maklumat terkini yang sahih hanya di media sosial rasmi FELDA. Harapan kami agar ianya mendapat kerjasama bersama untuk menyebarkan segala berita, info dan maklumat kepada lebih ramai lagi sahabat, jiran, kaum keluarga warga FELDA, baik di dalam mahupun diluar rancangan.

Terima kasih kerana terus menyokong Majalah Peneroka ini. Semoga kita sama-sama mengecapi kejayaan dalam keberkatan. Insya Allah.

Ikhlis daripada,

**MASTURA ABDUL
MANAP**

Ketua Editor dan
seluruh warga kerja
Majalah Peneroka 2023



Urus Tadbir


Disediakan Oleh :
Puan Raihan Binti Zaidan

FELDA UMUM PERUNTUKAN **RM9.7JUTA** BAGI BANTUAN MUSIM TENGGUJUH KEPADA PENEROKA TANAMAN GETAH

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mengumumkan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) berjumlah RM9.7juta yang akan memberi manfaat kepada 12,138 orang peneroka tanaman getah FELDA yang layak di seluruh negara.

Bantuan berjumlah RM800 bagi setiap peneroka tanaman getah ini akan diberikan dalam tiga fasa:-

Jadual Fasa Bantuan:



Bantuan yang menggunakan sepenuhnya dana dalam FELDA ini di harap dapat meringankan beban peneroka tanaman getah yang terjejas ketika musim tengkujuh ini. Bantuan ini juga merupakan cerminan komitmen FELDA untuk terus memberikan bantuan secara bersasar kepada kategori peneroka yang terkesan.



Bayaran bantuan ini disalurkan kepada peneroka atau pentadbir sementara (sebagai penerima) secara bulanan bermula 6 Januari 2023 dalam tempoh tiga bulan secara terus ke akaun bank. Kaedah transaksi tanpa tunai yang dilaksanakan sepenuhnya oleh FELDA mulai Januari 2023 ini adalah seiring dengan Revolusi Teknologi 4IR serta salah satu usaha FELDA dalam pemantapan tadbir urus serta mengelakkan sebarang ketirisan dalam pengurusan kewangan.

Peneroka tanaman getah yang layak menerima bantuan ini adalah:

01

Peneroka getah yang menghantar hasil ke PMG FELDA

02

Peneroka bersama FELDA tetapi hasil terjejas atas sebab masalah buruh atau penyakit pokok getah

03

Peneroka yang sedang terlibat dalam Program Pembangunan Tanam Semula Getah bersama FELDA



Urus Tadbir

Disediakan Oleh : Mohd Nasri Bin Puteh (Jabatan Komunikasi Strategik)

FELDA Ke Arah **MOVING FORWARD** Perladangan

Sembang santai secara atas talian merupakan satu program Jabatan Komunikasi Strategik menyampaikan info yang sahih dan maklumat terkini FELDA. Pada tahun 2023 ini, program ini dimulakan dengan membicarakan tentang "FELDA Ke Arah Moving Forward Perladangan". Pada kali ini, tetamu jemputannya adalah Encik Muhammad Fadzli Hasan, Presiden Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) dan Encik Abdul Hadi bin Mohamad atau lebih dikenali sebagai Tok Adi yang merupakan Ketua Peneroka Wilayah Segamat merangkap Exco Ladang Jawatankuasa Perunding Peneroka.

Bagaimanakah operasi ladang dilakukan oleh Wilayah Segamat sehingga Felda Maokil 1 dinobatkan sebagai antara 3 pengurusan ladang FELDA tercantik di Malaysia?

Tok Adi menyatakan bahawa, hasil ini diperolehi daripada kerjasama yang begitu erat dalam kalangan penduduk masyarakat Felda Maokil dengan pihak pengurusan. Antara kunci kejayaan ini, adalah dengan sentiasa memastikan rancangan dapat mengeluarkan hasil yang berkualiti di samping mempunyai sasaran untuk mengeluarkan sawit sebanyak 30 tan untuk penduduk peneroka menikmati hasil.

Bagaimana dengan masalah buruh yang dihadapi FELDA? Sejauh mana mekanisasi ini dipraktikkan?

Dari segi pengurusan operasi, tenaga buruh asing telah digunakan sebelum ini dan ianya mula ditukar kepada kemudahan teknologi ketika berhadapan dengan masalah buruh pada tahun 2019 ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di seluruh negara menyebabkan buruh asing tidak boleh memasuki sempadan Malaysia. Disebabkan itulah teretusnya idea untuk memperkasakan mekanisasi, sedikit sebanyak telah dilaksanakan. Selain itu, FELDA juga memperkenalkan peluang pekerjaan kepada generasi baharu yang dinamakan sebagai Kerja Borong Kecil (KBK) dimana generasi baharu di rancangan yang berkemampuan dan berminat untuk bekerja di ladang boleh menghadirkan diri ke pejabat rancangan untuk diberikan kerjasama ada menuai, membaja, merumput dan sebagainya, ujar Encik Fadzli.

KBK ini mendapat sambutan daripada anak peneroka untuk bekerja di ladang. Pada Ogos tahun lepas, lebih kurang 3,000 orang anak peneroka terlibat dengan KBK. KBK ini telah dibuat penambahbaikan dengan membuka peluang pekerjaan melalui dalam talian. KBK 1.0 ini juga telah dinaiktaraf menjadi KBK 2.0 yang diberi nama Hyred dengan memuat turun aplikasi tersebut dan mengisi maklumat pemohon. Pemohon akan diberitahu apabila pekerjaan berada dalam 30 meter daripada pemohon. KBK 3.0 juga akan dilaksanakan untuk membuat penambahbaikan KBK 2.0 atas permintaan Pengerusi FELDA iaitu Tan Sri Idris Jusoh.

Mekanisasi diperkasakan bagi memudahkan pengurusan ladang. Inisiatif mekanisasi ini, dilaksanakan bersama Jabatan Kelestarian. Antaranya sebuah mesin Baharu yang memudahkan aktiviti mengait buah sawit sekaligus menjimatkan masa dan kekuatan tenaga buruh juga dapat dikurangkan kepada 2-3 orang pekerja berbanding 5-6 orang pekerja sebeum ini.

Selain itu, drone merupakan salah satu mekanisasi yang diguna pakai di Felda Maokil bagi aktiviti tanam semula. Ini telah menyokong pengurusan FELDA yang pernah menghantar 22 orang generasi Baharu ke kursus dron sejajar dengan permintaan pasaran kini.

Harapan Tok Adi dan Encik Fadzli?

Harapan Tok Adi sebagai Exco Ladang JKPP adalah untuk mengeluarkan hasil semaksimum yang mungkin dan target yang mesti dicapai ialah sebanyak 30 tan. Dari segi pengurusan, diharapkan semua yang terlibat dengan operasi ladang perlu berlapang dada, kreatif dalam menyelesaikan isu yang wujud agar seterusnya dapat membantu untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Harapan Encik Fadzli pula terhadap pengurusan 2023 dapat melakukan penambahbaikan, membantu dalam meningkatkan pendapatan peneroka melalui peningkatan hasil seterusnya mendengar permintaan daripada warga Peneroka dan Generasi Baharu.

"Penggunaan teknologi hari ini perlu difikirkan dan ditingkatkan. Oleh kerana itu, kebersamaan serta kebersatuan penting dan harus saling mempercayai antara satu sama lain kerana disebabkan oleh kebersamaan ini terbinanya Menara FELDA 50 tingkat ini."



TOWNHALL :

Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR)

Pekebun kecil Malaysia desak kesatuan Eropah kajian semula EUDR. Lebih 500 pekebun kecil dari seluruh negara menandatangani petisyen berhubung pendirian bersama bagi mendesak Kesatuan Eropah (EU) mengkaji semula Peraturan Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR) yang bersifat diskriminasi. Program *TOWNHALL* : Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR) telah diadakan di Menara FELDA pada 15 Mac 2023. Program ini melibatkan 6 agensi PKPKM, DOPPA, SALCRA, FELCRA, RISDA dan FELDA. Pada 6 Disember 2022, European Union (EU) telah mencapai persetujuan mengenai undang-undang baharu untuk menghalang syarikat daripada meletakkan komoditi yang dikaitkan dengan penebangan hutan dan degradasi (kekurangan) hutan, ke pasaran EU, atau mengekspornya dari EU. Sebagaimana yang kita sedia maklum, penebangan hutan dan degradasi hutan adalah pemacu penting dalam perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti. Namun ianya haruslah ditimbang balik dengan setimpal agar alam sekitar terus relevan. Inilah cabaran utama alam sekitar pada zaman kini. Antara objektif *Townhall* EUDR ini adalah untuk menyatakan pendirian kita terhadap tindakan pihak EU seterusnya menyampaikan petisyen kepada pihak EU.

Antara 4 perkara dalam petisyen yang diberikan kepada EU adalah;

1

Penarikan Balik Peraturan Yang Menyasarkan Pekebun Kecil Bukan Eropah

2

Memastikan Takrif Pekebun Kecil Merangkumi Layanan Sama Untuk Pekebun Kecil Bukan Eropah

3

Tiada Label 'Berisiko Tinggi'

4

Mengiktiraf MSPO



FELDA sentiasa menjaga hubungan baik dengan pelbagai agensi terutama yang melibatkan industri sawit agar kesejahteraan peneroka dan warganya terjaga.

Kisah Inspirasi

Pengerusi FELDA

Disediakan Oleh :
Encik Wan Mohd Rizal Bin Wan Azha (FELDA Perasu)

Era pasca perindustrian dan pasca globalisasi yang sering mencabar akal dan minda kita, menjadi satu perkara yang amat luar biasa pada masa kini. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) turut menjadi salah satu organisasi yang sentiasa membawa kepada anjakan paradigma dalam melakarkan kemajuan dan kejayaan kepada negara kita. FELDA yang telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 dengan objektifnya sebagai membasmi kemiskinan bagi sektor penanaman kelapa sawit dan juga getah. Ini adalah satu wadah kepada peneroka yang telah berada di 317 tanah rancangan FELDA di seluruh negara, bagi membolehkan peneroka menstabilkan kehidupan dan ekonomi mereka.

Dalam mencari seribu satu penceritaan mengenai inspirasi kejayaan, tertarik dengan anak jati kelahiran Besut, Terengganu ini yang merupakan Pengerusi FELDA iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Idris bin Jusoh. Beliau telah diberi mandat untuk memegang portfolio ini, yang bermula pada tahun 2020 sehingga kini, telah banyak melakarkan kejayaan di dalam pembangunan FELDA. Idea demi idea telah diwujudkan bagi merencanakan dan memangkinkan peneroka rancangan FELDA serta lain-lain hal berkaitan mengenai FELDA. Berkisar mengenai kejayaan dan cetusan idea oleh beliau iaitu:



Neuro Linguistic Programming (NLP) yang telah pun dilaksanakan adalah bertujuan untuk melatih warga FELDA iaitu petugas FELDA, Peneroka, Penerokawati dan Generasi Baharu dengan corak pemikiran baharu yang lebih terbuka dan profesional dalam menghadapi cabaran perubahan global. Ia juga dapat memberikan impak yang progresif kepada warga FELDA dari aspek pendekatan komunikasi dan pembangunan sendiri.

Di samping itu juga, dalam mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh warga peneroka, FELDA telah bersetuju untuk melupuskan sebahagian pinjaman peneroka yang berjumlah RM8.3 bilion. Dengan ini, pelarasan pinjaman peneroka secara

bersyarat terutama generasi awal FELDA dilaksanakan. Rata-rata peneroka dapat menarik nafas lega dan katarsis dengan kesediaan pihak FELDA untuk membantu dan merialisasikan hasrat ini. Sasaran ini adalah dapat dilihat daripada inisiatif pelarasan pinjaman yang bersifat holistik dan rasional. Ia merangkumi empat kumpulan hutang yang meliputi majoriti utama peneroka. Inisiatif ini memberikan satu sudut kelebihan kepada peneroka dan sekali gus pelupusan hutang ini dapat memberikan fleksibiliti kewangan yang lebih baik.

Seterusnya, dalam mengambilalih saham FGV oleh FELDA ia telah meningkatkan pegangan langsung FELDA dalam FGV kepada 69.49% atau 2.535 bilion saham. Selain itu, FELDA juga telah memiliki pegangan tidak langsung sebanyak



12.42% atau 452.92 juta saham dalam FGV. Sekitar Jun 2021 sejumlah 96% peneroka iaitu seramai 53,758 peneroka telah membuat jualan FGV. FELDA amat bersyukur dan berterima kasih dengan pencapaian ini yang telah menjadi sebahagian golongan yang menyumbang kepada kejayaan hasil pengambilalihan FGV ini menjadi 82% pegangan.

Smart Plantation Management

Marcapada telah melalui proses



kehidupan yang penuh dengan penggunaan teknologi moden. FELDA turut tidak ketinggalan dalam menonggak arus permodenan sejajar dengan pembangunan global, Tan Sri Idris bin Jusoh telah mewujudkan Smart Plantation Management Solutions (SPMS) atau lebih dikenali Sistem Pengurusan Ladang Pintar untuk kemudahan dan kelestarian ladang. Ia melibatkan dua fasa, iaitu SPMS 1.0 dan SPMS 2.0 dan diantaranya adalah penggunaan data dron, aplikasi web dan mobilis geografi baharu, sistem e-Gis FELDA serta sistem eprofil dan aplikasi eprofil. Natijah dalam penggunaan SPMS ini ialah:-

Dapat menambah baik operasi perladangan dari segi kos operasi ladang.

Pemantauan kawasan ladang yang kurang memuaskan dapat diambil tindakan dan dikawal dari makhluk perosak.

Dapat meningkatkan produktiviti hasil ladang.

Maklumat terperinci daripada pengimejan dron juga dapat mengenal pasti lokasi.


Kesihatan pokok serta poin kosong untuk tindakan sulaman bagi penanaman pokok secara maksima.

Jumlah keseluruhan untuk fasa satu adalah seluas 39,972.22 hektar merangkumi 10 wilayah FELDA di seluruh negara.

Berkisar mengenai Waqaf FELDA cetusan idea oleh Tan Sri Idris bin Jusoh, ia membolehkan warga Peneroka menyumbang kepada institusi Waqaf FELDA dengan sasaran kutipan sebanyak RM19.2 juta setahun. Pengerusi ingin menerapkan budaya memberi dalam kalangan peneroka. Sumbangan Waqaf FELDA ini dilaksanakan melalui sumbangan secara tunai dan potongan pendapatan bulanan warga FELDA. Baru-baru ini, warga FELDA Kereteh 6 Terengganu telah melaksanakan Waqaf Tandan Sawit dan nilai jualannya disumbangkan ke Waqaf FELDA.

Akhir kalam, inspirasi cerita kejayaan dan kemajuan yang telah dipimpin oleh Tan Sri Idris bin Jusoh untuk agenda FELDA dan pembangunan negara dapat direalisasikan demi memartabatkan kemajuan global di negara kita. Dengan slogan kata “Peneroka Perintis Berani Suka Cabaran” dan “FELDA Lombong Emas” ia mampu menjana kecemerlangan berlipat kali ganda kepada warga FELDA dan menjadikan FELDA terkenal seantero dunia.


Nota Kaki
 MARCAPADA : Dunia Sekarang KALAM : Kata / Perkataan
 SEANTERO : Seluruh / Segenap NATIJAH : Kesimpulan / Akibat



Ulasan Buku

Disediakan Oleh :
Encik Mohd Rafizan Bin Samian (FELDA Wilayah Raja Alias)

"Atomic Habits: Tiny Changes, Remarkable Results" oleh James Clear



Ramai diantara kita cuba untuk mengubah tabiat atau kebiasaan dalam hidup agar menjadi insan yang lebih baik. Kedengarannya mudah, tetapi ramai yang kecundang kerana melakukannya dengan tergesa-gesa dan drastik. Usaha anda untuk berubah ke arah yang lebih baik mungkin boleh bermula dengan membaca buku "Atomic Habits" tulisan James Clear. Buku ini memberikan pandangan dan strategi untuk membantu pembaca mengubah tabiat mereka dan mencapai hasil yang luar biasa. Buku ini memberikan pendekatan yang sistematik dan praktikal dalam memahami bagaimana membentuk tabiat dan bagaimana kita dapat menggunakan kekuatan daripada tabiat kecil untuk mencapai perubahan yang besar dalam hidup kita.

Buku ini menekankan konsep "atomik" atau kecil sebagai langkah dalam membentuk tabiat atau kebiasaan. Penulis menjelaskan bahawa tabiat tidak terbentuk secara tiba-tiba, melainkan melalui rangkaian tindakan kecil yang dilakukan secara konsisten. James Clear menjelaskan pentingnya memahami tabiat dan mengenalpasti pemangkin yang mempengaruhi tabiat tersebut. Beliau menyarankan untuk menggantikan tabiat negatif dengan tabiat yang positif, dengan memfokuskan perhatian pada perubahan kecil yang dapat dilakukan setiap hari.

Buku ini juga menawarkan banyak strategi yang dapat diterapkan oleh pembaca. James Clear menghuraikan tentang kekuatan dalam tabiat kecil dan bagaimana kita dapat menggunakan persekitaran kita untuk memupuk tabiat yang diinginkan. Penulis juga menekankan pentingnya mempunyai keinginan yang kuat supaya kita dapat membentuk tabiat positif. Penulis menggambarkan konsep perubahan yang kecil dan konsisten, bakal menghasilkan hasil yang luar biasa dalam jangka panjang.

Buku ini tidak hanya memberikan nasihat yang praktikal, tetapi juga memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang psikologi dan ilmu di sebalik pembentukan tabiat. Tulisannya ringkas dan tidak terlalu rumit, menjadikannya mudah difahami oleh pembaca daripada pelbagai latar belakang. James Clear berhasil menghuraikan konsep yang kompleks dengan cara yang jelas dan mudah difahami.

Secara keseluruhan, "Atomic Habits" adalah buku yang sangat bermanfaat bagi mereka yang berusaha untuk mengubah gaya hidup mereka. Buku ini berjaya menunjukkan bahawa perubahan kecil pada tabiat kita dapat menghasilkan perubahan besar dalam hidup kita.

Tabiat buruk :



Bergosip

Tabiat buruk :



Overthinking & Stress

Tabiat baik :



Baca Buku

Tabiat baik :



Bersenam



Menara
FELDA



PROGRAM KOMUNITI





Istiadat Majlis Konvokesyen Kolej Yayasan Feb 2023



666 graduan Kolej Yayasan FELDA tamat pengajian dalam bidang pengajian di peringkat Diploma Kemahiran Malaysia.



24,000 alumni telah dilahirkan dari Yayasan FELDA alam pelbagai program latihan yang berkualiti.



Graduan telah diraikan dalam sebuah Majlis Konvokesyen Kolej Yayasan FELDA ke-24 dengan penuh istiadat di Dewan Perdana FELDA pada 8 Februari 2023.



AKRF Wilayah
GUA MUSANG
Feb 2023



Lawatan
**SK LKTP ADELA ke
MENARA FELDA**
Feb 2023



**JMR FELDA
SEMENCHU**
Feb 2023



AKRF
CHEGAR PERAH

Majlis Pelancaran
ZURIS SONICUTT HARVESTER
Mac 2023



Scan untuk layari website FELDA

-  FeldaLKTP
-  Myfelda
-  FeldaLKTP
-  Felda Official
-  FELDALKTP